



PENDUDUK kampung melihat dari dekat bangkai labi-labi gergasi yang terdampar di tepi pantai Kampung Tengah, Mengabang Telipot, Kuala Terengganu semalam.

# Labi-labi gergasi ditemui mati terdampar

KOSMO 27/01/07 pg. 14

Oleh HISHAM IDRIS  
hisham@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Gempar lagi apabila pantai di negeri ini terus 'dikunjungi' spesies laut pelik.

Ini berikutan penemuan labi-labi gergasi dua hari berturut-turut di pantai Tok Jembal dan Mengabang Telipot, dekat sini.

Dalam kejadian di Kampung Tengah, Mengabang Telipot, semalam, seekor labi-labi gergasi mati terdampar di pantai tersebut.

Seorang penduduk, Ghani Awang, 58, berkata, bangkai haiwan laut tersebut dijumpai sekitar pukul 10 pagi.

Katanya, ia yang ditemui oleh penduduk kampung dipercayai sudah mati

sebelum dihanyutkan ombak ke tepi pantai.

"Saya rasa labi-labi itu mati lebih daripada satu hari memandangkan bangkainya sudah berbau busuk," katanya ketika ditemui KOSMO! semalam.

Ujarnya, beliau percaya labi-labi tersebut mati akibat tersangkut pada pukuk nelayan yang menjalankan aktiviti menangkap ikan.

"Ini merupakan kali pertama labi-labi ditemui mati terdampar di pantai Kampung Tengah.

"Kami sendiri tidak pernah tengok sebelum ini," ujarnya.

Tinjauan KOSMO! mendapati labi-labi tersebut berukuran melebihi 1.5 meter panjang dan terdapat kesan darah

beku di bahagian kepalanya.

Sementara itu, Ketua Penyelidikan dan Pemuliharaan Penyu dan Tuntung, Institut Oseanografi Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem), Professor Chan Eng Heng yang dihubungi berkata, labi-labi yang dikenali sebagai *Asian Soft-shelled Pelechelys Cantorii* itu merupakan spesies terancam.

Katanya, haiwan itu kian pupus dan penemuan tersebut merupakan kali kedua dalam bulan ini.

"Kelmarin, spesies yang sama ditemui mati terdampar di Pantai Tok Jembal," katanya.

Tegas Eng Heng, kali terakhir penemuan haiwan tersebut direkodkan pada tahun 2002 iaitu di Kemboja.